

## ANALISIS KEWUJUDAN *AL-MUTABA'AT* DALAM PERIWAYATAN HADITH SECARA *AL-TAFARRUD*

AN ANALYSIS OF THE EXISTENCE OF *AL-MUTABA'AT* IN THE NARRATION OF  
HADITH BY WAY OF *AL-TAFARRUD*

**Mohd Aizul bin Yaakob**

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
11800 Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia  
E-mail: aizulyaakob@gmail.com

**Roshimah binti Shamsudin**

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
11800 Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia  
E-mail: roshimah@usm.my

### ABSTRAK

Hadith yang diriwayatkan secara *al-tafarrud* iaitu hadith yang diriwayatkan secara bersendirian dan tiada riwayat lain yang mengiringinya memberi indikasi bahawa tidak wujud hadith lain yang diriwayatkan. Dalam erti kata lain, hadith yang diriwayatkan secara *al-tafarrud* itu tidak mempunyai riwayat sokongan dalam bentuk *mutaba'at* iaitu perkongsian periwayatan hadith oleh seorang perawi dengan perawi yang lain. Namun demikian, terdapat hadith-hadith yang disifatkan oleh sebahagian sarjana hadith sebagai *al-tafarrud* namun kemudiannya dinyatakan oleh sarjana hadith lain bahawa terdapat *al-mutaba'at* bagi hadith tersebut. Justeru, artikel ini akan menganalisis faktor-faktor yang menjadi penyebab fenomena ini berlaku. Kajian yang dijalankan ini adalah berbentuk kualitatif sepenuhnya yang melibatkan pengumpulan data melalui kajian keperpustakaan. Data-data tersebut dianalisis berdasarkan kaedah induktif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat tiga faktor dan salah satu darinya adalah kerana perawi yang meriwayatkan hadith dalam bentuk *al-mutaba'ah* tersebut berada pada kedudukan yang terlalu daif dan tidak boleh dijadikan sebagai hujah.

**Kata Kunci:** *Periwayatan hadith, al-tafarrud, al-mutaba'at*

### ABSTRACT

Hadith narrated by way of *al-tafarrud* means a hadith which is narrated solely by one narrator, devoid of any other hadiths to substantiate the earlier hadith, thus indicating that there does not exist a hadith narrated carrying similar meaning. In other words, hadith of *al-tafarrud* narration

has no corroborative hadith in the form of *al-mutaba'at* which means common narration by one narrator to the other. However there are a number of hadiths of this kind deemed by some hadith scholars as *al-tafarrud* while there are other scholars who opine to the contrary by which they believe that there exist *al-mutaba'at* in the particular hadith in question. As such, this article aims to analyze the factors that lead to this phenomenon. This study is wholly qualitative involving data collection through library research. The data are analyzed based on inductive methods. The findings of this study show that there are three factors that contribute to this phenomenon. One of which is the status of the narrator when he attempts to narrate *al-mutaba'ah* hadith whereby his status stands at weak mark that renders his narrated hadith incapable of authority.

**Keywords:** *Hadith narration, al-tafarrud, al-mutaba'at*

## 1. PENDAHULUAN

Secara umumnya, periwayatan hadith secara *al-tafarrud* boleh difahami sebagai periwayatan tunggal dari seseorang perawi dan tiada perawi lain yang mengiringi periwayatan tersebut. Jenis periwayatan seperti ini dilihat mendapat perhatian yang serius dalam kalangan para sarjana hadith. Ini dibuktikan apabila terdapat dalam kalangan mereka yang didapati mengumpulkan secara khusus jenis periwayatan seperti ini iaitu sebagaimana yang dilakukan oleh al-Bazzar (m. 291 H) dalam *Musnadnya* dan al-Tabarani (m. 360 H) dalam *Mu'jam al-Awsat*. Perhatian mereka terhadap periwayatan *al-tafarrud* dilihat tidak terhenti sekadar usaha berbentuk pengumpulan sahaja, malah terdapat juga sebahagian daripada mereka turut membahaskan secara mendalam periwayatan *al-tafarrud* dalam wacana kritikan hadith. Antaranya boleh dilihat dalam kitab *al-Tarikh al-Kabir* oleh al-Bukhari (m. 256 H), *al-'Ilal* oleh Ibn Abi Hatim (m. 327 H) dan *al-'Ilal al-Waridah fi al-Ahadith al-Nabawiyah* oleh al-Daraqutni (m. 385 H). Perkara ini secara tidak langsung membuktikan bahawa periwayatan hadith secara *al-tafarrud* mempunyai kedudukan yang signifikan dalam dunia periwayatan dan medan kritikan hadith.

Periwayatan hadith secara *al-tafarrud* biasanya dizahirkan oleh para sarjana hadith dengan penggunaan beberapa istilah, antaranya seperti *tafarrada bihi fulan*, *gharib*, *la na'lam yarwih 'an fulan illa fulan*, *la yutaba' alayh* dan sebagainya. Penggunaan istilah-istilah ini di sisi para sarjana hadith menunjukkan bahawa wujud elemen tunggal dalam periwayatan tersebut dan secara tidak langsung memberi isyarat bahawa tiada sanad lain sebagai *al-mutaba'at* yang mengiringi periwayatan itu. Hakikatnya, dalam realiti wacana kritikan hadith adakalanya sesuatu periwayatan hadith yang diulas oleh sebahagian sarjana dengan istilah-istilah yang memperlihatkan berlakunya periwayatan hadith dalam bentuk *al-tafarrud*, namun sebenarnya masih wujud sanad lain yang mengiringinya sebagai *al-mutaba'at*. Fenomena ini secara tidak langsung menunjukkan berlaku kontradiksi antara penisbahan sesuatu periwayatan hadith itu sebagai *al-tafarrud* dan penemuan *al-mutaba'at* bagi riwayat tersebut. Berikutan itu, artikel ini bertujuan melakukan analisis untuk mengenalpasti justifikasi bagi sesuatu hadith yang disifatkan

sebagai *al-tafarrud* namun wujud *al-mutaba'at* yang mengiringinya. Bagi memperoleh natijah yang eksplisit dan terarah, artikel ini akan memberi fokus kepada perbincangan mengenai kewujudan *al-mutaba'at* dalam periwayatan *al-tafarrud* sahaja. Dalam erti kata lain, perbincangan mengenai *al-syawahid* tidak akan diangkat oleh pengkaji dalam artikel ini.

## 2. METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini adalah berbentuk kualitatif sepenuhnya dan melibatkan pengumpulan data melalui kajian kepustakaan. Oleh yang demikian, karya-karya utama khususnya dalam disiplin *'ulum al-hadith* dan memiliki kaitan dengan perbincangan ini akan dijadikan sebagai rujukan oleh pengkaji untuk mendapatkan data-data primer. Justeru, antara karya penting yang membincangkan permasalahan *al-tafarrud* adalah seperti *Ma'rifah Anwa' 'Ilm al-Hadith* yang dihasilkan oleh Ibn al-Salah (m. 643 H) dan *Syarh al-Nukhbah Nuzhah al-Nazar* karangan oleh Ibn Hajar (m. 852 H). Selain daripada itu, beberapa sumber lain turut menjadi rujukan pengkaji iaitu antaranya *al-Muwazanah bayna al-Mutaqaddimin wa al-Muta'akhkhirin fi Tashih al-Ahadith*, *al-Tafarrud fi Riwayah al-Hadith wa Manhaj al-Muhaddithin fi Qabulih aw Raddih* dan beberapa lagi karya yang lain. Data-data yang telah dikumpulkan akan dianalisis berdasarkan kaedah induktif.

## 3. PENGERTIAN RIWAYAT AL-TAFARRUD DAN AL-MUTABA'AH

Terdapat beberapa definisi periwayatan *al-tafarrud* yang ditemui. Antaranya pengertian yang diutarakan oleh al-Malyabari di mana beliau berpandangan bahawa periwayatan *al-tafarrud* bermaksud seorang perawi meriwayatkan sebuah hadith tanpa diiringi oleh perawi-perawi yang lain dan para *nuqqad* menyebutnya dengan beberapa istilah seperti *hadith gharib*, *tafarrada bih fulan*, *hadha hadith la ya 'rifu illa min hadha al-wajh*, *la na 'lamuh yarwi 'an fulan illa min hadith fulan* dan seumpama dengannya.<sup>1</sup> Al-Syayi' pula memberikan takrifan *al-tafarrud* sebagai periwayatan hadith dari seorang perawi dalam bentuk bersendirian dari selainnya.<sup>2</sup> Di samping dua sarjana ini, Hamam turut mengemukakan definisi *al-tafarrud* berdasarkan perspektifnya dengan lebih terperinci. Menurut beliau, *al-tafarrud* adalah sesuatu hadith yang datang melalui seorang perawi tanpa diiringi oleh perawi-perawi yang lain sama ada berlaku pada asal hadith atau sebahagian darinya, di samping wujudnya *al-ikhtilaf* atau tidak, *al-ziyadah* atau tidak dan boleh berlaku sama ada pada *sanad* atau *matan* melalui perawi *thiqah* ataupun tidak.<sup>3</sup> Asasnya, ketiga-tiga definisi ini dilihat menyatakan makna yang hampir sama mengenai periwayatan *al-tafarrud* iaitu hadith yang diriwayatkan secara bersendirian dari seorang perawi sahaja dan tiada perawi lain yang meriwayatkan hadith tersebut.

<sup>1</sup> Hamzah al-Malyabari (2001), *Al-Muwazanah bayna al-Mutaqaddimin wa al-Muta'akhkhirin fi Tashih al-Ahadith wa Ta'liliha*, c. 2, Beirut: Dar Ibn Hazm, h. 71.

<sup>2</sup> 'Abd al-Rahman bi Sulayman al-Syayi' (1422 H), *Al-Ahadith Allati Qala Fiha al-Imam al-Bukhari (La Yutaba' 'Alayh) Fi al-Tarikh al-Kabir: Takhrij, Dirasah, Muwazanah*, Risalah al-Majistir, Jami'ah Umm al-Qura, Kuliyyah al-Da'wah wa Usul al-Din, Qism al-Kitab wa al-Sunnah, h. 51.

<sup>3</sup> 'Abd al-Jawad Hamam (2008), *Al-Tafarrud fi Riwayah al-Hadith wa Manhaj al-Muhaddithin fi Qabulih aw Raddih* (*Dirasah Ta'siliyyah Tatbiqiyah*), c.1, Damsiyiq: Dar al-Nawadir, h. 90.

Menurut al-Ghawri, *al-mutaba'ah* pula bermaksud perkongsian periwayatan hadith antara seorang perawi dengan perawi yang lain. Tambah beliau lagi, *al-mutaba'ah* terbahagi kepada dua jenis iaitu *tammah* dan *qasirah* atau *naqisah*.<sup>4</sup> Jelas Ibn Hajar (m. 852 H), *al-mutaba'ah al-tammah* bermaksud perkongsian riwayat yang berlaku pada perawi itu sendiri, manakala *al-mutaba'ah al-qasirah* atau *al-naqisah* pula bermaksud perkongsian riwayat yang berlaku pada gurunya atau perawi-perawi yang berada di atasnya. Dalam memberikan gambaran yang lebih jelaskan mengenai dua pembahagian ini, Ibn Hajar telah mendatangkan sebuah hadith sebagai contoh, iaitu seperti berikut:<sup>5</sup>

الشَّهْرُ تِسْعَةٌ وَعَشْرُونَ فَلَا تَصُومُوا حَتَّى تَرَوْا الْهِلَالَ وَلَا تُفْطِرُوا حَتَّى تَرَوْهُ فَإِنَّ غَمَّ عَلَيْكُمْ  
فَأَكْمِلُوا الْعِدَّةَ ثَلَاثِينَ<sup>6</sup>

Maknanya: “Satu bulan itu memiliki dua puluh sembilan hari, jangan kalian berpuasa sehinggalah melihat anak bulan, jangan kalian berhari raya sehinggalah melihat anak bulan, sekiranya ia terlindung dari pandangan kalian, maka sempurnakanlah bilangan kepada tiga puluh hari”.

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Syafi'i (m. 204 H) dalam *Musnadnya* melalui *sanad* Malik dari 'Abd Allah bin Dinar dari Ibn 'Umar secara *marfu'*. Al-Syafi'i tidak bersendirian dalam meriwayatkan hadith ini dari Malik. Malah seorang perawi yang bernama 'Abd Allah bin Maslamah (m. 221 H) turut meriwayatkannya dari Malik dari 'Abd Allah bin Dinar dari Ibn 'Umar secara *marfu'*.<sup>7</sup> Sehubungan itu, keadaan ini secara tidak langsung menunjukkan riwayat 'Abd Allah bin Maslamah merupakan *mutaba'ah tammah* kepada riwayat al-Syafi'i dan begitu juga sebaliknya. Ini memandangkan kedua-dua mereka mengambil hadith ini melalui guru yang sama iaitu Malik bin Anas (m. 179 H). Di samping itu, hadith tersebut turut diriwayatkan oleh Ibn Khuzaymah (m. 311 H) dalam *Sahihnya* melalui *sanad* 'Asim bin Muhammad dari ayahnya dari Ibn 'Umar secara *marfu'*.<sup>8</sup> Selain itu Muslim (m. 261 H) juga telah meriwayatkan hadith ini dalam *Sahihnya* melalui *sanad* Abu Bakr bin Abi Syaybah dari Abu Usamah dari 'Ubayd Allah

<sup>4</sup> Sayyid 'Abd al-Majid al-Ghawri (2007), *Mu'jam al-Mustalahat al-Hadithiyyah*, Beirut: Dar Ibn Kathir, h. 635.

<sup>5</sup> Ibn Hajar, Ahmad bin 'Ali bin Muhammad bin Hajar al-'Asqalani (2000), *Syarh al-Nukbah Nuzhah al-Nazar fi Tawdih Nukhbah al-Fikar fi Mustalah Ahl al-Athar* tahqiq Nur al-Din 'Itr, c. 3, Damsyik: Matba'ah al-Sibah, h. 74.

<sup>6</sup> Al-Syafi'i, Muhammad bin Idris (1951), *Tartib Musnad al-Imam al-Mu'azzam al-Mujtahid al-Muqaddam Abi 'Abd Allah Muhammad bin Idris al-Syafi'i* tahqiq Sayyid Yusuf 'Ali & 'Izzat al-'Attar, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, no. Hadith: 720, j. 1, h. 272.

<sup>7</sup> Al-Bukhari (2000), *Mawsu'ah al-Hadith al-Syarif Kutub al-Sittah, Sahih al-Bukhari bi Isyraf wa Muraja'ah Salih bin 'Abd al-'Aziz bin Muhammad Ibrahim Alu Syaykh*, c. 3, Riyadh: Dar al-Salam li al-Nasyr wa al-Tawzi', *Kitab al-Saum, Bab Qawl al-Nabi Sallallah 'Alayh Wa Sallam Idha Ra'aytum al-Hilal fa Sumu wa Idha Raaytumuh fa Aftiruh*, no. Hadith: 1907, h. 149.

<sup>8</sup> Ibn Khuzaymah, Abu Bakr Muhammad bin Ishaq (1980), *Sahih Ibn Khuzaymah* tahqiq Muhammad Mustafa al-A'zami, Beirut: al-Maktab al-Islami, j. 3, *Kitab al-Siyam, Bab Dhikr al-Dalil 'ala Anna al-Amr bi al-Taqdir li al-Syahr Idha Ghamma an Ya'udda Sya'ban Thalathin Yawman Thumma Yusam*, no. Hadith: 1909, h. 202.

dari Nafi' dari Ibn 'Umar secara *marfu'*.<sup>9</sup> Menurut Ibn Hajar, dua riwayat ini merupakan *mutaba'ah qasirah* atau *naqisah* kepada riwayat al-Syafi'i lantaran mereka mengambilnya dari guru kepada guru al-Syafi'i.<sup>10</sup>

#### 4. KEWUJUDAN AL-MUTABA'AH DALAM PERIWAYATAN AL-TAFARRUD

Umumnya, sesuatu hadith yang disifatkan sebagai *al-tafarrud* menafikan kewujudan *al-mutaba'ah* dalam periwayatan tersebut. Kenyataan ini berasaskan justifikasi yang dibuat berdasarkan takrifan *al-tafarrud* dan *al-mutaba'ah* seperti yang telah dibincangkan. Namun, penelitian terhadap perbincangan yang terdapat dalam karya-karya hadith, didapati para sarjana hadith tampil menafikan *al-tafarrud* yang telah dinisbahkan kepada sesuatu hadith oleh sarjana sebelum mereka. Penafian tersebut dibuat atas asas terdapat *al-mutaba'ah* bagi hadith tersebut. Secara tidak langsung, realiti ini telah menyanggahi pengertian *al-tafarrud* yang telah dikemukakan oleh para sarjana hadith. Bagi memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai fenomena ini, pengkaji mengemukakan contoh iaitu sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Ahmad (m. 241 H) melalui *sanad* Qaza'ah bin Suwayd dari 'Asim bin Makhlad dari Abu al-Asy'at dari Syaddad bin Aus dari Nabi SAW bersabda:

مَنْ قَرَضَ بَيْتَ شِعْرِ بَعْدَ الْعِشَاءِ الْآخِرَةِ لَمْ تُقْبَلْ لَهُ صَلَاةٌ تِلْكَ اللَّيْلَةَ<sup>11</sup>

Maksudnya: “Sesiapa yang mengarang bait syair selepas isyak, maka tidak akan diterima solatnya pada malam itu.”

Beberapa sarjana telah menyifatkan riwayat di atas sebagai *al-tafarrud*. Antara mereka adalah al-Bazzar (m. 291 H) yang berpendapat hadith ini tidak diriwayatkan dari Rasulullah SAW melainkan melalui *sanad* ini sahaja. Jelas beliau lagi, hadith ini tidak diriwayatkan daripada Rasulullah SAW kecuali Syaddad bin Aus dan tidak seorang pun yang meriwayatkan dari 'Asim bin Makhlad kecuali Qaza'ah bin Suwayd.<sup>12</sup> Di samping itu juga, al-'Uqayli (m. 322 H) menyifatkan salah seorang perawi hadith ini iaitu 'Asim bin Makhlad sebagai *la yutaba' alayh* dan beliau hanya meriwayatkan dari Abu al-Asy'at sahaja.<sup>13</sup> Manakala Ibn Kathir (m. 774 H) dalam tafsirnya pula menjelaskan bahawa hadith ini adalah *gharib*, malah ia tidak dikeluarkan

<sup>9</sup> Muslim (2000), *Mawsu'ah al-Hadith al-Syarif Kutub al-Sittah, Sahih Muslim bi Isyraf wa Muraja'ah Salih bin 'Abd al-'Aziz bin Muhammad Ibrahim Alu Syaykh*, c. 3, Riyadh: Dar al-Salam li al-Nasyr wa al-Tawzi', *Kitab al-Siyam, Bab Wujub Sawm Ramadan li Ru'yah al-Hilal*, no. Hadith: 2499, h. 850.

<sup>10</sup> Ibn Hajar (2000), *Syarh al-Nukbah Nuzhah al-Nazar fi Tawdih Nukbah al-Fikar fi Mustalah Ahl al-Athar*, h. 74.

<sup>11</sup> Ahmad bin Hanbal (2001), *Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal tahqiq Syu'ayb al-Arna'ut et.al*, c.1, Beirut: Muassasah al-Risalah, j. 28, no. Hadith: 17134, h. 356-357.

<sup>12</sup> Al-Bazzar, Abu Bakr Ahmad bin 'Amru bin 'Abd al-Khaliq (1993), *Al-Bahr al-Zakhar al-Ma'ruf bi Musnad al-Bazzar tahqiq Mahfuz Rahman Zayn Allah*, c. 1, Arab Saudi: Maktabah al-'Ulum wa al-Hikam, j. 8, no. Hadith: 3477, h. 401-402.

<sup>13</sup> Al-'Uqayli, Abu Ja'far Muhammad bin 'Amru bin Musa bin Hammad (1984), *Kitab al-Du'afa' al-Kabir tahqiq 'Abd al-Mu'ti Amin Qal'abi*, c. 1, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, j. 3, no. Perawi: 1365, h. 339.



oleh mana-mana *ashab kutub al-sittah*.<sup>14</sup> Ulasan dari beberapa sarjana hadith tersebut menunjukkan bahawa hadith ini telah diriwayatkan secara *al-tafarrud* melalui *sanad* Qaza'ah bin Suwayd dari 'Asim bin Makhlad dari Abu al-Asy'at dari Syaddad bin Aus dari Nabi SAW. Sungguhpun begitu, Ibn Hajar menyatakan bahawa 'Asim bin Makhlad sebenarnya tidak bersendirian dalam *sanad* ini, malah riwayat dari beliau turut diikuti oleh 'Abd al-Quddus bin Habib.<sup>15</sup> Ini dibuktikan melalui riwayat yang ditemui dalam *Musnad Ibn Ja'd* (m. 230 H) atau *al-Ja'diyat* melalui *sanad* 'Abd al-Quddus dari Abu al-Asy'at al-San'ani dari Syaddad bin Aus dari Nabi SAW.<sup>16</sup>

Contoh lain pula dalam menggambarkan situasi seperti ini adalah seperti sebuah hadith yang diriwayatkan melalui *sanad* Marwan bin Muhammad al-Dimasyqi dari Ibn Wahab dari Yahya bin 'Abd Allah bin Salim dari Abi Bakr bin Nafi' dari ayahnya dari Ibn 'Umar RA berkata:

تَرَأَى النَّاسَ الْهَلَالَ فَأَخْبَرْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنِّي رَأَيْتُهُ فَصَامَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ وَأَمَرَ النَّاسَ بِصِيَامِهِ<sup>17</sup>

Maksudnya: Manusia telah melihat anak bulan, justeru aku khabarkan kepada Baginda SAW bahawa aku telah melihatnya. Maka Rasulullah SAW pun berpuasa dan memerintahkan kepada yang lain untuk turut berpuasa.

Menurut al-Daraqutni (m. 385 H), hadith ini diriwayatkan secara *al-tafarrud* oleh Marwan bin Muhammad dari Ibn Wahab dan beliau merupakan seorang yang *thiqah*.<sup>18</sup> Pandangan ini tidak dipersetujui oleh Ibn Mulaqqin (m. 804 H) kerana menurut beliau, hadith ini tidak diriwayatkan secara *al-tafarrud* kerana al-Hakim (m. 405 H) dalam *al-Mustadrak* telah meriwayatkan dari Harun bin Sa'id al-Ayli dari Ibn Wahab dan al-Hakim telah mensahihkannya.<sup>19</sup>

Berdasarkan dua contoh yang dipaparkan di atas, secara tidak langsung menunjukkan bahawa periwayatan *al-tafarrud* yang disifatkan oleh sebahagian sarjana hadith dinafikan pula

<sup>14</sup> Ibn Kathir, Abu al-Fida' Isma'il bin 'Umar (2004), *Tafsir al-Qur'an al-'Azim al-Ma'ruf bi Tafsir Ibn Kathir* tahqiq 'Abd al-Qadir al-Arna'ut, c. 6, Riyadh: Dar al-Salam, j. 4, h. 2378.

<sup>15</sup> Ibn Hajar, Ahmad bin 'Ali al-'Asqalani (1996), *Ta'jil al-Manfa'ah bi Zawaid Rijal al-A'imma al-Arba'ah* tahqiq Ikram Allah Imdad al-Haq, c. 1, Beirut: Dar al-Basya'ir al-Islamiyyah, j. 1, h. 703.

<sup>16</sup> Ibn al-Ja'd, Abu al-Hasan 'Ali bin al-Ja'd bin 'Ubayd al-Jawhari (1985), *Musnad Ibn Ja'd* dikumpulkan oleh al-Baghawi (m. 317 H), tahqiq 'Abd al-Mahdi bin 'Abd al-Qadir bin 'Abd al-Hadi, c. 1, Kuwait: Maktabah al-Falah, no. Hadith: 3585, h. 1188.

<sup>17</sup> Abu Dawud (2000), *Mawsu'ah al-Hadith al-Syarif Kutub al-Sittah, Sunan Abi Dawud bi Isyraf wa Muraja'ah Salih bin 'Abd al-'Aziz bin Muhammad Ibrahim Alu Syaykh*, c. 3, Riyadh: Dar al-Salam li al-Nasyr wa al-Tawzi', *Kitab al-Siyam, Bab fi Syahadah al-Wahid 'ala Ru'yah Hilal Ramadan*, no. Hadith: 2342, h. 1397.

<sup>18</sup> Al-Daraqutni, 'Ali bin 'Umar (2004), *Sunan al-Daraqutni wa Bidhaylih al-Ta'liq al-Mughni 'ala al-Daraqutni* tahqiq Syu'ayb al-Arna'ut et.al, c. 1, Beirut: Muassasah al-Risalah, j. 3, *Kitab al-Siyam*, no. Hadith: 2146, h. 97.

<sup>19</sup> Ibn al-Mulaqqin, Siraj al-Din Abu Hafs 'Umar bin 'Ali bin Ahmad (2004), *Al-Badr al-Munir fi Takhrij al-Ahadith wa al-Athar al-Waqi'ah fi al-Syarh al-Kabir* tahqiq 'Abd Allah bin Sulayman et.al, c. 1, Arab Saudi: Dar al-Hijrah, *Kitab al-Salah, Kitab al-Siyam*, j. 5, h. 648.

oleh sarjana yang lain memandangkan mereka menemui *al-mutaba'ah* bagi periwayatan tersebut. Justeru, realiti ini menurut pengkaji memerlukan penelitian yang khusus bagi melihat perkara ini dengan lebih mendalam. Dalam erti kata lain, berkemungkinan berlaku kesilapan pada sarjana hadith tertentu dalam menyifatkan periwayatan tersebut sebagai *al-tafarrud* sehingga tidak diketahui kewujudan *al-mutaba'ah* dan berkemungkinan sebenarnya kewujudan *sanad* tersebut dimaklumi olehnya namun menilainya sebagai *al-tafarrud* disebabkan justifikasi lain.

## 5. ANALISIS FAKTOR PERIWAYATAN HADITH MASIH DISIFATKAN SEBAGAI AL-TAFARRUD SEKALIPUN WUJUD AL-MUTABA'AT

Dalam kajian ini, terdapat beberapa faktor yang telah dikenal pasti sebagai penyumbang kepada wujudnya periwayatan hadith yang disifatkan sebagai *al-tafarrud* sekalipun wujud *al-mutaba'at*, iaitu seperti berikut:

- 1) Apabila *sanad al-mutaba'ah* diriwayatkan dari perawi yang terlalu daif dan tidak boleh dijadikan hujah.

Salah satu daripada sebab mengapa sesuatu hadith masih dianggap sebagai *al-tafarrud* biarpun wujud *sanad* lain sebagai *al-mutaba'ah* adalah kerana *sanad al-mutaba'ah* tersebut diriwayatkan dari perawi yang terlalu daif dan tidak boleh dijadikan sebagai hujah. Menurut Ibn al-Salah (m. 643 H), tidak semua perawi yang berada pada kategori daif boleh dijadikan sebagai *al-mutaba'at*. Sehubungan daripada pendirian ini, menurut beliau lagi, al-Daraqutni (m. 385 H) didapati menyatakan dalam kitabnya *al-Du'afa'* bahawa si fulan boleh dijadikan sebagai dokongan dan si fulan tidak boleh dijadikan sebagai dokongan.<sup>20</sup> Pandangan ini secara tidak langsung memberi isyarat bahawa terdapat perawi yang tidak diambilkira oleh para sarjana hadith sebagai *al-mutabi'* kepada riwayat yang lain. Dalam menjelaskan persoalan ini, Ibn al-Salah kemudiannya memberikan contoh iaitu hadith dua telinga termasuk sebahagian daripada kepala (*al-udhunan min al-ra's*) yang menurut beliau sebahagian sarjana menilai hadith ini sebagai hadith *hasan* memandangkan terdapat beberapa *sanad* lain yang mengiringi periwayatannya. Panilaian ini jelas beliau adalah tidak benar kerana tidak semua hadith daif boleh dihilangkan dengan kewujudan jalur *sanad* yang banyak, lantaran kadar kedaifan bagi perawi hadith itu berbeza antara satu dengan yang lain. Justeru kedaifan sesebuah hadith tidak dapat dihilangkan melalui jalur *sanad* yang banyak sekiranya diriwayatkan oleh perawi dari kalangan *al-kaddhabin* dan *al-matrukin*.<sup>21</sup> Senada dengan pandangan ini, seorang pengkaji hadith kontemporari iaitu Nur al-Din 'Itr turut menyatakan bahawa para sarjana hadith telah meletakkan syarat bahawa perawi-perawi daif yang dikira sebagai *al-mutabi'* mestilah berada pada kedudukan yang tidak terlalu daif.<sup>22</sup>

<sup>20</sup> Ibn al-Salah, Abu 'Amru 'Uthman bin 'Abd Rahman al-Syahrizuri (2002), *Ma'rifah Anwa' 'Ilm al-Hadith* tahqiq Mahir Yasin Fahl & 'Abd Latif al-Hamim, c. 1, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 175.

<sup>21</sup> *Ibid.*, h. 104.

<sup>22</sup> Nur al-Din 'Itr Dr. (1997), *Manhaj al-Naqd fi 'Ulum al-Hadith*, Damsyiq: Dar al-Fikr, h. 421.

Berpandukan kepada penjelasan di atas, jelas menunjukkan bahawa perawi yang terlalu daif seperti mereka yang disifatkan sebagai *al-kaddhabin* dan *al-matrukin* tidak diterima sebagai *al-mutaba'at*. Justeru itu, kewujudan *sanad* dari mereka tidak mendatangkan sebarang kesan terhadap *sanad* yang lain. Oleh kerana itu, bukanlah sesuatu yang aneh apabila terdapat para sarjana hadith tetap menyifatkan sesuatu hadith sebagai *al-tafarrud* meskipun dengan kewujudan *al-mutaba'at* dari perawi-perawi yang terlalu daif.

Contoh dalam menggambarkan situasi di atas adalah seperti hadith yang telah dijelaskan iaitu hadith “*sesiapa yang mengarang bait syair selepas isyak, maka tidak akan diterima solatnya pada malam itu.*” Hadith ini sebagaimana dijelaskan bahawa ia telah diriwayatkan melalui *sanad* Qaza'ah bin Suwayd dari 'Asim bin Makhlad dari Abu al-Asy'at dari Syaddad bin Aus dari Nabi SAW. Beberapa sarjana seperti al-Bazzar, al-'Uqayli dan Ibn Kathir telah mengisyaratkan bahawa hadith ini diriwayatkan secara *al-tafarrud*. Biarpun begitu, Ibn Hajar menyatakan bahawa terdapat *al-mutaba'ah* bagi *sanad* ini iaitu melalui *sanad* 'Abd al-Quddus bin Habib dari Abu al-Asy'at dari Syaddad bin Aus dari Nabi SAW.

Menurut pengkaji, kewujudan *sanad al-mutaba'ah* sebagaimana dinyatakan oleh Ibn Hajar ini bukanlah sesuatu yang tidak diketahui oleh sarjana yang menyifatkan hadith ini sebagai *al-tafarrud*. Namun disebabkan kedudukan 'Abd al-Quddus bin Habib yang dikritik hebat oleh para sarjana menjadikan kumpulan sarjana ini tidak mengira kehadiran *sanad* darinya justeru tetap mengira riwayat ini sebagai *al-tafarrud*. Jelas 'Abd Allah bin al-Mubarak (m. 181 H), merompak di jalanan lebih disukai daripada meriwayatkan hadith dari 'Abd al-Quddus bin Habib.<sup>23</sup> Menurut al-Nasa'i (m. 303 H) pula, 'Abd al-Quddus bin Habib adalah seorang yang *matruk*.<sup>24</sup> Manakala menurut al-Kanani (m. 963 H), *al-mutaba'ah* melalui *sanad* 'Abd al-Quddus tidak memberikan apa-apa kelebihan kerana beliau dituduh sebagai pedusta dan pemalsu hadith.<sup>25</sup> Malah Ibn Hajar sendiri berkata bahawa kewujudan *sanad* dari 'Abd al-Quddus seakan-akan tidak dikira oleh al-'Uqayli sebagai *al-mutaba'ah*, justeru al-'Uqayli tetap menegaskan bahawa 'Asim meriwayatkan hadith ini secara *al-tafarrud*.<sup>26</sup>

- 2) Apabila *al-tafarrud* yang disifatkan kepada sesuatu hadith itu berada dalam kategori *al-tafarrud al-nisbi*

*Al-Tafarrud al-nisbi* bermaksud *al-tafarrud* yang disifatkan oleh sebahagian sarjana adalah *al-tafarrud* yang dinisbahkan kepada sesuatu seperti negeri tertentu, guru tertentu atau seumpamanya. Sebagai contoh sarjana hadith berkata: “*tafarrada bih ahl Makkah, tafarrada bih ahl al-Syam, tafarrada bi hadha al-lafz* dan sebagainya. Periwiyatan *al-tafarrud* dalam kategori

<sup>23</sup> Al-'Uqayli (1984), *Kitab al-Du'afa' al-Kabir*, j. 3, no. Perawi: 1069, h. 96.

<sup>24</sup> Al-Nasa'i, Abu 'Abd al-Rahman Ahmad bin Syu'ayb (1985), *Kitab al-Du'afa' wa al-Matrukin* tahqiq Bawran al-Danawi et.al, c. 1, Beirut: Maktabah al-Kutub al-Thaqafiyah, no. Perawi: 398, h. 164.

<sup>25</sup> Al-Kanani, Abu al-Hassan 'Ali bin Muhammad bin 'Iraq (t.t.), *Tanzih al-Syari'ah al-Marfu'ah an al-Akhhbar al-Syari'ah al-Mawdu'ah* tahqiq 'Abd al-Wahhab 'Abd al-Latif et.al, Beirut: Dar al-Kutub al-Islamiyyah, no. Hadith: 45, h. 267.

<sup>26</sup> Ibn Hajar, Ahmad bin 'Ali al-'Asqalani (1985), *Al-Qawl al-Musaddad fi al-Dhabbi 'an Musnad al-Imam Ahmad* tahqiq 'Abd Allah Muhammad al-Darwisy, c. 1, Beirut: Al-Yamamah, h. 75.



ini hakikatnya tidak bersendirian dalam periwayatan hadith. Hanya ia disifatkan sebagai *al-tafarrud* berikutan dinisbahkan kepada sesuatu, di mana perkara tersebut tidak ditemui dalam periwayatan yang lain. Boleh jadi terdapat *al-mutaba'ah* bagi riwayat tersebut tetapi diriwayatkan melalui *sanad* dari negeri lain, lafaz lain dan seumpama dengannya.

Antara contoh untuk menggambarkan pendirian di atas adalah seperti hadith Ibn 'Umar RA yang menyatakan "*manusia telah melihat anak bulan, justeru aku khabarkan kepada Baginda SAW bahawa aku telah melihatnya...*" sebagaimana yang telah dinyatakan di atas. Hadith ini diriwayatkan melalui *sanad* Marwan bin Muhammad al-Dimasyqi dari Ibn Wahab dari Yahya bin 'Abd Allah bin Salim dari Abi Bakr bin Nafi' dari ayahnya dari Ibn 'Umar RA. Menurut al-Daraqutni, ia diriwayatkan secara *al-tafarrud* oleh Marwan bin Muhammad dari Ibn Wahab dan beliau merupakan seorang yang *thiqah*.<sup>27</sup> Biarpun begitu, Ibn Mulaqqin pula berpandangan bahawa terdapat *al-mutaba'ah* bagi hadith ini iaitu sebagaimana diriwayatkan oleh al-Hakim (m. 405 H) dalam *al-Mustadrak* melalui *sanad* Harun bin Sa'id al-Ayli dari Ibn Wahab, malah menurut beliau al-Hakim telah mensahihkannya.<sup>28</sup>

Berdasarkan penelitian pengkaji, *al-tafarrud* yang disifatkan oleh al-Daraqutni pada hadith ini adalah *al-tafarrud al-nisbi* iaitu apabila dinisbahkan pada lafaz hadith ini. Menurut pengkaji, kenyataan ini disokong apabila al-Bayhaqi (m. 458 H) dalam *al-Sunan al-Kubra* turut meriwayatkan hadith ini, kemudian beliau yatakan bahawa al-Sulami (m. 412 H) menjelaskan bahawa al-Daraqutni berkata: "Marwan bin Muhammad telah meriwayatkan hadith ini secara *al-tafarrud* dari Ibn Wahab dan dia adalah perawi yang *thiqah*". Menurut al-Bayhaqi, hadith ini dianggap sebagai *afraad* Marwan bin Muhammad al-Dimasyqi dan al-Rabi' bin Sulayman telah meriwayatkan darinya. Al-Bayhaqi setelah itu mendatangkan pula *sanad* yang didakwa oleh Ibn Mulaqqin sebagai *al-mutaba'at* bagi riwayat Marwan iaitu riwayat Harun bin Sa'id al-Ayli. Bagi riwayat melalui *sanad* ini al-Bayhaqi berkata: "*fa dhakara bi mithlih illa annahu qala: fa sama Rasulallah sallallah 'alayh wa sallam wa amara al-nas bi al-siyam*".<sup>29</sup>

Berpandukan kepada penjelasan dari al-Bayhaqi ini, secara tidak langsung menunjukkan bahawa terdapat perbezaan lafaz antara riwayat Marwan bin Muhammad dan Harun bin Sa'id al-Ayli. Lafaz pada riwayat Marwan adalah "...*amara al-nas bi siyamih*" sedangkan lafaz bagi riwayat Harun adalah "...*amara al-nas bi al-siyam*." Sehubungan daripada itu, menurut pengkaji maksud al-Daraqutni bahawa Marwan meriwayatkan hadith ini secara *al-tafarrud* dari Ibn Wahab adalah apabila dinisbahkan kepada lafaz tersebut.

Sebenarnya, pendirian al-Daraqutni bahawa Marwan meriwayatkan hadith ini secara *al-tafarrud* dari Ibn Wahab bukanlah sesuatu yang asing. Hal yang demikian kerana, al-Tabarani

<sup>27</sup> Al-Daraqutni (2004), *Sunan al-Daraqutni wa Bidhaylih al-Ta'liq al-Mughni 'ala al-Daraqutni*, j. 3, *Kitab al-Siyam*, no. Hadith: 2146, h. 97.

<sup>28</sup> Ibn al-Mulaqqin (2004), *Al-Badr al-Munir fi Takhrij al-Ahadith wa al-Athar al-Waqi'ah fi al-Syarh al-Kabir, Kitab al-Salah, Kitab al-Siyam*, j. 5, h. 648

<sup>29</sup> Al-Bayhaqi (1352 H), *Kitab Sunan al-Kubra wa fi Dhaylih al-Jawhar al-Naqi*, c. 1, India: Majlis Da'irah al-Ma'arif al-Nizamiyyah al-Ka'inah, *Kitab al-Siyam, Bab al-Syahadah 'ala Ru'yah Hilal Ramadan*, j. 4, h. 212.

(m. 360 H) dalam *al-Awsat* turut mengakui bahawa Marwan meriwayatkan hadith ini secara *al-tafarrud* dari Ibn Wahab. Jelas beliau, hadith ini tidak diriwayatkan dari Abi Bakr bin Nafi' melainkan Yahya bin 'Abd Allah dan tidak diriwayatkan dari Yahya melainkan Ibn Wahab sahaja. Tambah beliau lagi, hadith ini diriwayatkan secara *al-tafarrud* oleh Marwan al-Tatari.<sup>30</sup>

3) Berlaku kesilapan sama ada daripada sarjana yang menyifatkan riwayat sebagai *al-tafarrud* atau sarjana yang menyatakan kewujudan *al-mutaba'ah*.

Selain daripada dua faktor di atas, faktor ketiga pula adalah kesilapan yang mungkin berlaku daripada sarjana yang menyifatkan riwayat sebagai *al-tafarrud* atau sarjana yang menyatakan kewujudan *al-mutaba'ah*. Pada umumnya, menyifatkan sesuatu periwayatan sebagai *al-tafarrud* atau menyatakan bahawa terdapat *al-mutaba'ah* bagi sesuatu periwayatan hadith memerlukan kepada pengetahuan yang luas dan holistik dalam dunia periwayatan hadith. Justeru, bukan semua para sarjana hadith yang mampu untuk menguasainya. Berdasarkan keadaan ini, tidak mustahil bagi mana-mana sarjana tersilap dalam menyifatkan sesuatu periwayatan hadith sebagai *al-tafarrud* atau tersilap dalam menyatakan kewujudan *al-mutaba'ah* bagi sesuatu periwayatan hadith. Oleh kerana itu, kajian menemui terdapat beberapa sarjana apabila ingin menyifatkan sesuatu periwayatan sebagai *al-tafarrud*, mereka akan mengambil sikap berwaspada dengan menyatakan bahawa *al-tafarrud* yang disifatkan itu hanyalah berdasarkan pengetahuan mereka sahaja. Menurut pengkaji, tindakan mereka sedemikian adalah kerana khuatir terdapat kesilapan dalam menyifatkan sesuatu periwayatan itu sebagai *al-tafarrud*. Antara sarjana yang banyak melakukan demikian adalah seperti al-Bazzar (m. 292 H) sebagaimana boleh ditemui dalam kitabnya *al-Musnad*. Sebagai contoh, sebuah hadith yang diriwayatkan melalui *sanad* al-Layth bin Sa'd dari Yazid bin Abi Habib dari Abi al-Khayr dari 'Abd Allah bin 'Umar dari Abi Bakr dan dia berkata:

يا رسول الله علمني دعاء أدعو به قال قل اللهم إني ظلمت نفسي ظلما كثيرا وإنه لا يغفر الذنوب إلا أنت فاغفر لي مغفرة من عندك وارحمني إنك أنت الغفور الرحيم<sup>31</sup>

Maksudnya: Wahai Rasulullah SAW, ajarkan kepadaku sepotong doa yang aku boleh berdoa dengannya. Maka Nabi SAW berkata: "Ucaplah ya Allah aku telah menzalimi diriku sendiri dengan kezaliman yang banyak. Tiada sesiapa yang boleh memberikan pengampunan melainkan Engkau. Maka berikanlah keampunan dari sisi-Mu dan rahmatilah aku. Sesungguhnya Engkau adalah Tuhan yang Maha pengampun lagi Maha penyayang.

<sup>30</sup> Al-Tabarani, Abu al-Qasim Sulayman bin Ahmad (1995), *Al-Mu'jam al-Awsat* tahqiq Tariq bin 'Iwad Allah & 'Abd al-Muhsin bin Ibrahim, Kaherah: Dar al-Haramayn, j. 4, no. Hadith: 3877, h. 165.

<sup>31</sup> Al-Bazzar (1988), *Al-Bahr al-Zakhar al-Ma'ruf bi Musnad al-Bazzar* tahqiq Mahfuz Rahman Zayn Allah, j. 1, no. Hadith: 29, h. 85-86.

Al-Bazzar memberikan komentar terhadap hadith ini dengan berkata: “*wa hadha al-hadith la na ‘lamuh yarwi ‘an Abi Bakr ‘an al-Nabi sallallah ‘alayh wa sallam illa bi hadha al-isnad*”.<sup>32</sup> Perkataan “...*la na ‘lamuh yarwi*...” yang terdapat dalam komentar ini jelas menunjukkan bahawa beliau menyifatkan kewujudan elemen *al-tafarrud* dalam hadith ini berdasarkan pengetahuannya.

## 6. PENUTUP

Perbincangan yang telah dibentangkan di atas menunjukkan bahawa periwayatan *al-tafarrud* adakalanya tetap memiliki *al-mutaba‘at* kerana beberapa faktor. Pertama adalah apabila *sanad* yang menjadi *al-mutaba‘at* diriwayatkan oleh perawi yang terlalu daif seperti perawi *al-kadhdhab* atau *al-matrukin*. Sekiranya keadaan ini berlaku, maka kewujudan *sanad* itu tidak diambil kira oleh sarjana hadith kerana kewujudannya seolah-olah tiada (*wujudih ka ‘adamih*). Kedua adalah apabila *al-tafarrud* yang dimaksudkan adalah berada dalam kategori *al-tafarrud al-nisbi*, iaitu *al-tafarrud* yang dinisbahkan kepada sesuatu seperti kepada negeri tertentu, guru tertentu, lafaz tertentu atau sebagainya. Periwayatan *al-tafarrud* seperti ini kemungkinan memiliki *al-mutaba‘at* melalui jalur *sanad* dari negeri, guru atau lafaz yang lain. Berikutan itu, ia disifatkan sebagai *al-tafarrud* semata-mata kerana dinisbah kepada sesuatu. Manakala faktor ketiga pula adalah kemungkinan berlaku kesilapan dari sarjana yang menyifatkan sesuatu hadith itu sebagai *al-tafarrud* atau sarjana yang menyatakan kewujudan *al-mutaba‘ah*. Sehubungan daripada tiga faktor yang disenaraikan ini, pengkaji mencadangkan agar terlebih dahulu memberikan keutamaan terlebih dahulu kepada faktor pertama dan kedua sebelum terus membuat kesimpulan kepada faktor yang ketiga. Ini bertujuan untuk mengelakkan dari sikap bermudah-mudah dalam meletakkan kesalahan kepada para sarjana hadith.

## RUJUKAN (REFERENCES)

- [1] A A Ahmad (2001). *Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal*. Syu‘ayb al-Arna‘ut et.al. (ed.). c.1. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- [2] A A Ibn al-Salah (2002). *Ma‘rifah Anwa‘ ‘Ilm al-Hadith*. Mahir Yasin Fahl & ‘Abd Latif al-Hamim (ed.). c. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- [3] A A Ibn Hajar (1985). *Al-Qawl al-Musaddad fi al-Dhabbi ‘an Musnad al-Imam Ahmad*. ‘Abd Allah Muhammad al-Darwisy (ed.). c. 1. Beirut: Al-Yamamah.
- [4] A A Ibn Hajar (1996). *Ta‘jil al-Manfa‘ah bi Zawaid Rijal al-A‘immah al-Arba‘ah*. Ikram Allah Imdad al-Haq (ed.). c. 1. Beirut: Dar al-Basya‘ir al-Islamiyyah.
- [5] A A Ibn Hajar (2000). *Syarh al-Nukbah Nuzhah al-Nazar fi Tawdih Nukhbah al-Fikar fi Mustalah Ahl al-Athar*. Nur al-Din ‘Itr (ed.). c. 3. Damsyik: Matba‘ah al-Sibah.

---

<sup>32</sup> *Ibid.*

- [6] A A R Al-Nasa'i (1985). *Kitab al-Du'afa' wa al-Matrukin*. Bawran al-Danawi et.al (ed.). c. 1. Beirut: Maktabah al-Kutub al-Thaqafiyah.
- [7] A B Al-Bayhaqi (1933). *Kitab Sunan al-Kubra wa fi Dhaylih al-Jawhar al-Naqi*. c. 1. India: Majlis Da'irah al-Ma'arif al-Nizamiyyah al-Ka'inah.
- [8] A B Al-Bazzar (1993). *Al-Bahr al-Zakhar al-Ma'ruf bi Musnad al-Bazzar*. Mahfuz Rahman Zayn Allah (ed.). c. 1. Arab Saudi: Maktabah al-'Ulum wa al-Hikam.
- [9] A B Ibn Khuzaymah (1980). *Sahih Ibn Khuzaymah*. Muhammad Mustafa al-A'zami (ed.). Beirut: al-Maktab al-Islami.
- [10] A F Ibn Kathir (2004). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim al-Ma'ruf bi Tafsir Ibn Kathir*. 'Abd al-Qadir al-Arna'ut (ed.). c. 6. Riyadh: Dar al-Salam.
- [11] A H Al-Kanani (t.t.). *Tanzih al-Syari'ah al-Marfu'ah an al-Akhbar al-Syari'ah al-Mawdu'ah*. 'Abd al-Wahhab 'Abd al-Latif et.al (ed.). Beirut: Dar al-Kutub al-Islamiyyah.
- [12] A H Ibn al-Ja'd (1985). *Musnad Ibn Ju'd*. 'Abd al-Mahdi bin 'Abd al-Qadir bin 'Abd al-Hadi (ed.). c. 1. Kuwait: Maktabah al-Falah.
- [13] A H Muslim (2000), *Mawsu'ah al-Hadith al-Syarif Kutub al-Sittah, Sahih Muslim, Salih bin 'Abd al-'Aziz bin Muhammad Ibrahim Alu Syaykh* (ed.). c. 3. Riyadh: Dar al-Salam li al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- [14] A J Al-'Uqayli (1984). *Kitab al-Du'afa' al-Kabir*. 'Abd al-Mu'ti Amin Qal'abi (ed.). c. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- [15] A J Hamam (2008). *Al-Tafarrud fi Riwayah al-Hadith wa Manhaj al-Muhaddithin fi Qabulihi Aw Raddihi (Dirasah Ta'siliyyah Tatbiqiyyah)*. c.1. Damsyiq: Dar al-Nawadir.
- [16] A Q Al-Tabarani. (1995). *Al-Mu'jam al-Awsat*. Tariq bin 'Iwad Allah & 'Abd al-Muhsin bin Ibrahim (ed.). Kaherah: Dar al-Haramayn.
- [17] A S al-Syayi' (2001). *Al-Ahadith Allati Qala Fiha al-Imam al-Bukhari (La Yutaba 'Alayh) Fi al-Tarikh al-Kabir: Takhrij, Dirasah, Muwazanah*. (Tesis Master). Jami'ah Umm al-Qura, Kuliyyah al-Da'wah wa Usul al-Din, Qism al-Kitab wa al-Sunnah.
- [18] A U Al-Daraqutni (2004). *Sunan al-Daraqutni wa Bidhaylih al-Ta'liq al-Mughni 'ala al-Daraqutni*. Syu'ayb al-Arna'ut et.al (ed.). c. 1. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- [19] H Al-Malyabari (2001). *Al-Muwazanah bayna al-Mutaqaddimin wa al-Muta'akhhirin fi Tashih al-Ahadith wa Ta'liliha*. c. 2. Beirut: Dar Ibn Hazm.

- [20] M I Al-Bukhari (2000). *Mawsu'ah al-Hadith al-Syarif Kutub al-Sittah, Sahih al-Bukhari. Salih bin 'Abd al-'Aziz bin Muhammad Ibrahim Alu Syaykh* (ed.). c. 3. Riyadh: Dar al-Salam li al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- [21] M I Al-Syafi'i (1951). *Tartib Musnad al-Imam al-Mu'azzam al-Mujtahid al-Muqaddam Abi 'Abd Allah Muhammad bin Idris al-Syafi'i*. Sayyid Yusuf 'Ali & 'Izzat al-'Attar (ed.). Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- [22] N D 'Itr (1997). *Manhaj al-Naqd fi 'Ulum al-Hadith*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- [23] S A Abu Dawud (2000). *Mawsu'ah al-Hadith al-Syarif Kutub al-Sittah, Sunan Abi Dawud. Salih bin 'Abd al-'Aziz bin Muhammad Ibrahim Alu Syaykh* (ed.). c. 3. Riyadh: Dar al-Salam li al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- [24] S A M al-Ghawri (2007). *Mu'jam al-Mustalahat al-Hadithiyyah*. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- [25] S D Ibn al-Mulaqqin (2004). *Al-Badr al-Munir fi Takhrij al-Ahadith wa al-Athar al-Waqi'ah fi al-Syarh al-Kabir*. 'Abd Allah bin Sulayman et.al (ed.). c. 1. Arab Saudi: Dar al-Hijrah.